

14 JAN 1999

Tambak

JAMBATAN BARU GANTI TAMBAK JOHOR AKAN DIBINA TAHUN 2000

JOHOR BAHRU, 14 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata kerja-kerja pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor dijangka dimulakan pada, Jan tahun 2000.

Katanya, Johor akan dapat menikmati banyak faedah daripada pembangunan jambatan baru itu dan sekaligus menjadikan bandaraya ini sebagai sebuah bandaraya yang indah di selatan tanah air dan setanding dengan bandaraya Sydney, San Francisco dan London.

"Kita berharap dengan pembinaan jambatan ini, ia mampu mengatasi masalah yang timbul antara Johor dan Singapura mengenai alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat khas mengenai pembinaan dan reka bentuk jambatan baru itu oleh Pengarah konsortium Gerbang Perdana Sdn Bhd Datuk Yahya A. Jalil di sini, hari ini.

Konsortium Gerbang Perdana Sdn Bhd, syarikat milik penuh Bumiputera dilantik oleh kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek pembangunan jambatan baru itu dan kawasan sekitarnya di atas tanah tebus guna seluas 102.9 hektar yang terletak bersebelahan Kompleks Tanjung Puteri.

Detik Nagasari Sdn Bhd milik Transwater Corp Bhd memegang 20 peratus kepentingan dalam konsortium itu. Dua anggota lain konsortium itu Diversified Resources Bhd (DRB) yang memegang 20 peratus kepentingan dan Merong Mahawangsa Sdn Bhd, milik IBEX Corp Amalgamated Sdn Bhd, yang memegang 60 peratus kepentingan.

Menurut Abdul Ghani, jambatan sepanjang 1 km yang membabitkan kos sebanyak RM1.5 billion itu akan mempunyai 10 lorong kenderaan dan penjalan kaki dan dijangka siap pada tahun 2003.

Jambatan baru yang serba canggih itu juga dijangka mampu untuk mengatasi masalah kesesakan yang dialami oleh Tambak Johor.

Cadangan untuk menggantikan Tambak Johor dengan sebuah jambatan telah diutarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melakukan lawatan rasmi ke negeri ini pada 1996.

Tambak Johor sepanjang 1.2 km yang dibina pada tahun 1923, merupakan antara dua laluan, selain Laluan Kedua di Tanjung Kupang yang menghubungkan Malaysia-Singapura.

-- BERNAMA

RAM FAZ